

Urus sistem saluran air dengan teliti

Kuala Lumpur: Hakisan berlaku apabila pergerakan air dalam tanah tidak diserap sepenuhnya menyebabkan strukturnya longgar dan menyebabkan tanah runtuh.

Tanah menggelongsor pula berpunca daripada pergerakan air di permukaan dan apabila fenomena itu berlaku, ia membawa banjir lumpur yang mampu mengalih bongkah batu atau pokok.

Pensyarah Geografi, Universiti Malaya (UM), Datuk Dr Azizan Abu Samah, berkata hakisan dan tanah menggelongsor dua fenomena berbeza, namun kesannya sama iaitu berisiko berlaku runtuh tanah.

Beliau berkata, pengurusan air membabitkan sistem saluran dan penyerapan di setiap kawasan cerun dan berbukit perlu dilaksanakan dengan teliti bagi mengelak hakisan atau tanah menggelongsor.

“Hakisan berpunca daripada pergerakan air dalam tanah tidak diserap sepe-



nuhnya menyebabkan struktur tidak stabil seterusnya berlaku kejadian tanah runtuh.

“Tanah menggelongsor pula berlaku daripada pergerakan air di permukaan dan apabila fenomena itu berlaku, ia akan membawa kesan seperti banjir lumpur yang berkeupayaan mengalih bongkah batu atau pokok,” katanya kepada Harian Metro.

Dalam kejadian tanah runtuh yang menyebabkan banjir lumpur di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, ba-

“Pengendali lebuhraya perlu meluaskan lagi skop kajian risiko supaya langkah pencegahan awal dilakukan”

Dr Tajul Anuar

ru-baru ini, ia berlaku secara tiba-tiba disebabkan hujan berterusan selain aktiviti di atas bukit di kawasan berhampiran.

Kejadian banjir lumpur itu menyebabkan banyak kenderaan terperangkap, tapi tiada kemalangan jiwa kerana pengguna kenderaan sempat menyelamatkan diri.

Katanya, hasil kajian dilakukan selama ini mendapati kebanyakan kejadian tanah runtuh di beberapa lebuhraya disebabkan fenomena tanah menggelongsor disusuli limpahan air selain

terdapat bongkah batu atau pokok dibawa arus air.

Sementara itu, pakar geologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaluddin berkata, kajian pemetaan geobahaya di semua lebuhraya di negara ini perlu dilakukan di lokasi berisiko yang dikenal pasti akan berlaku tanah runtuh.

Beliau berkata, kajian itu penting kerana jika perkara itu diabaikan, bencana seperti kejadian banjir lumpur di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak mungkin berulang.

“Jangan tunggu sudah jadi bencana baru hendak buat kajian kerana ia bukan perkara baru di negara ini.

“Oleh itu, pengendali lebuhraya perlu meluaskan lagi skop kajian risiko supaya langkah pencegahan awal dilakukan seperti membaiki cerun sedia ada atau membuat laluan baru untuk air mengalir,” katanya.